

# Koperal maut, konstabel hilang

kosmo 14/7/14 ms 2.

Oleh MUSTAPA LAKAWA dan MOHD. YUNUS YAKKUB  
berita@kosmo.com.my

**SEMPORNA** - Seorang anggota polis marin terbunuh manakala seorang lagi diculik selepas mereka diserang hendap sekumpulan pengganas bersenjata berat dalam kejadian di sebuah resort di Pulau Mabul, perairan Semporna di timur Sabah malam kelmarin.



ABDUL RASHID

Kejadian pada pukul 11.10 malam itu berlaku ketika kedua-dua anggota polis dari Balai Polis Pulau Mabul sedang bertugas di Mabul Water Bungalows Resort sebelum didatangi sebuah bot dinaiki lapan lelaki.



ALLAHYARHAM AB. RAJAH

Kumpulan lelaki dipercayai pengganas Sulu yang memakai seluar celoreng, berbaju hitam dan bertopeng serta bersenjata api dipercayai jenis Calibre 7.62 terus menyerang hendap dengan melepaskan tembakan ke arah kedua-dua mangsa yang berada di resort berkenaan.

Tembakan itu menyebabkan Koperal Ab. Rajah Jamuan, 32, terkorban di tempat kejadian manakala rakan setugasnya, Konstabel Zakia Aleip, 26, hilang disyaki dilarikan kumpulan berkenaan.

Difahamkan, dua lagi anggota polis yang menaiki sebuah bot ronda polis marin berhampiran resort itu turut menjadi sasaran penyerang hendap.

Kumpulan suspek itu dipercayai telah melepaskan sekurang-kurangnya 10 das tembakan rambang ke arah jeti, bot ronda polis marin termasuk kedai makan dan pejabat penyambut tamu di resort berkenaan.



PEMANDANGAN Mabul Water Bungalows Resort, Pulau Mabul di Semporna yang diserang hendap pengganas Sulu kelmarin.



SABAH

## Lokasi kes-kes culik di Sabah

- **6 Mei 2014**  
Pulau Baik, Lahad Datu  
\* Seorang pengurus syarikat ternakan ikan diculik
- **17 November 2012**  
Felda Sahabat 15, Lahad Datu  
\* Dua sepupu diculik
- **8 Februari 2010**  
Pulau Sebangkat, Semporna  
\* Dua diculik
- **16 Jun 2014**  
Pulau Baik, Lahad Datu  
\* Pemilik pusat ternakan ternakan ikan diculik
- **15 November 2013**  
Pulau Pom-Pom, Semporna  
\* Seorang pelancong Taiwan mati ditembak manakala isterinya diculik
- **2 April 2014**  
Resort Singamata Reef, Semporna  
\* Dua wanita diculik
- **25 April 2014**  
\* 21 orang diculik termasuk 10 pelancong asing di Sipadan
- **13 Julai 2014**  
\* Seorang anggota polis marin terbunuh dan seorang lagi diculik

"Kita percaya kejadian ini berlaku atas dua sebab. Pertama, kumpulan ini berkeungkinan ingin melakukan penculikan di resort berkenaan namun berjaya digagalkan oleh anggota kita.

"Jika ini puncanya, ia merupakan satu pengorbanan apabila anggota



ZAKIA yang hilang dipercayai diculik pengganas Sulu belum diketahui nasibnya.

san kumpulan terbabit serta mencari anggota polis yang dilarikan.

"Kejadian serang hendap oleh kumpulan penceroboh itu berlaku hanya tiga hari selepas pasukan keselamatan negara berjaya menyelamatkan dan membebaskan seorang pengurus syarikat ternakan ikan warga China yang di-

Pengarah Operasi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom), Datuk Abdul Rashid Harun berkata, siasatan polis mengenai kejadian tersebut mengesyaki serangan itu bermotif untuk melakukan penculikan atau sebagai tindak balas terhadap penguatkuasaan ketat oleh pihak berkuasa di perairan Sabah.

kita dapat menggagalkan penculikan itu sekali pun seorang daripada mereka terkorban," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, kemungkinan kedua ialah kumpulan penjenayah itu sengaja melakukan serang hendap terhadap polis sebagai tindak balas ekoran penguatkuasaan serta

kawasan ketat yang dilakukan pihak berkuasa sejak kebelakangan ini.

Berikutan kejadian itu, Abdul Rashid memberitahu, operasi besar-besaran melibatkan semua agensi penguatkuasaan termasuk tentera dan Maritim Malaysia (APMM) kini giat dilancarkan di perairan timur Sabah bagi menge-

nyakat ternakan ikan warga China yang diculik di Pulau Baik, Lahad Datu pada 6 Mei lalu.

Yang Zai Lin, 34, dikatakan berjaya dibawa keluar oleh pasukan keselamatan negara ini pukul 9 malam, Khamis lalu dari tempat persembunyian kumpulan Abu Sayyaf di Patikul, Kepulauan Jolo, Filipina.

# Beberapa resort di Pulau Mabul ditutup

**SEMPORNA** - Beberapa buah resort lain di Pulau Mabul ditutup kepada orang ramai buat sementara waktu ekoran kejadian pencerobohan yang dilakukan lapan lelaki dipercayai kumpulan pengganas Sulu di sebuah resort pulau tersebut malam kelmarin.

Resort-resort itu ditutup kerana pemiliknya dipercayai khuatir dengan kejadian yang menyebabkan seorang anggota polis terbunuh manakala seorang lagi hilang dipercayai diculik.

Bagaimanapun, pusat-pusat peranginan yang terletak

di pesisir tanah besar masih beroperasi dengan pelancong meneruskan aktiviti masing-masing.

Penghuni pulau yang kaya dengan kehidupan laut dan popular dalam kalangan pelancong itu terdiri daripada mereka yang berketurunan Bajau Suluk dan Bajau Laut.

Bermula tahun 1990-an Pulau Mabul menjadi sebuah pulau yang dikunjungi ramai pelancong untuk melakukan aktiviti skuba terutama pelancong dari China dan Eropah.

Pada 17 Februari tahun lalu, kira-kira 180 warga asing



KERATAN *Kosmo!* 17 Jun 2014.

lengkap bersenjata mencero- boh Kampung Tanduo di Lahad Datu.

Kumpulan bersenjata itu mendakwa mereka berketurunan Kesultanan Sulu dari Manila, Filipina diketuai oleh



KERATAN *Kosmo!* 7 Mei 2014.

Jamalul Kiram III.

Insiden pencerobohan itu mengakibatkan 10 anggota keselamatan negara terbunuh, 68 anggota pengganas ditembak mati dan 173 ditangkap.